

05 SEP 2002

Mahathir-MSK/I

PM SAHKAN DR OTHMAN BUKAN LAGI PENGERUSI EKSEKUTIF MDC

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah telah meletakkan jawatannya sebagai pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) berikutan masalah kesihatan.

"Beliau bukan lagi pengerusi eksekutif tetapi masih bersama-sama dengan MDC," katanya semasa ditemui pemberita pada akhir hari pertama mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP), di sini.

Dr Mahathir berkata "beban Dr Othman akan dikurangkan" dan seseorang akan dilantik menyandang jawatan itu.

Apabila ditanya siapa yang akan dilantik, perdana menteri berkata perkara itu akan diumumkan nanti.

Ditanya alasan Dr Othman untuk meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata: "Beliau tidak berapa sihat."

MDC ialah badan yang bertanggungjawab untuk melihat perkembangan MSC, iaitu kawasan seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dipilih sebagai pusat pembangunan perkhidmatan dan produk multimedia.

Awal hari ini, Dr Othman memberitahu pemberita bahawa beliau akan berkhidmat di MDC dalam kapasiti bukan eksekutif.

Mengenai hasil mesyuarat hari ini, Dr Mahathir berkata para peserta MSC-IAP telah membincangkan enam topik iaitu bagaimana merapatkan jurang digital, keusahawanan pasca dot com, sistem sumber terbuka, keselamatan siber dan jenayah siber, memerangi kandungan berbahaya dalam internet dan keutamaan maklumat.

"Saya dapati pendapat yang diberikan oleh anggota IAP amat berguna bagi kita. Mereka memberikan pendapat dan nasihat serta pelbagai idea yang akan menolong kita memajukan lagi MSC," katanya.

Mesyuarat tiga hari itu dihadiri oleh 14 anggota IAP dan 12 wakil merangkumi tokoh utama dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi global.

Mesyuarat itu akan berakhir Sabtu ini.

-- BERNAMA

MAM AZH NAK